

1.0 PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi tanpa sempadan ini, warga guru tidak seharusnya ketinggalan dalam menyahut seruan ledakan teknologi maklumat. Mengharungi dunia tanpa sempadan memerlukan para guru meningkatkan penguasaan ICT. Sekolah merupakan sebuah institusi sosial yang memainkan peranan yang amat penting dalam merubah kehidupan masyarakat. Sekolah adalah pengubah minda dan sekolah adalah penentu kepada budaya dan pembangunan sesebuah Negara.

Sekolah juga sering kali diungkapkan sebagai sebuah institusi yang menyeluruh bagi segolongan manusia berkumpul dan bekerja bersama-sama untuk sesuatu tempoh masa yang tertentu. Organisasi seperti ini ditadbirkan secara formal. Oleh sebab sekolah merupakan sebuah organisasi, maka wujudlah suatu budaya yang tersendiri dan berkembang di sekolah. Budaya ini akan mempengaruhi setiap tingkah laku seseorang guru dalam tugas hariannya. Budaya secara ringkasnya merujuk kepada ciri-ciri dan hasilan tingkah laku yang dipelajari oleh sekumpulan manusia daripada persekitaran sosialnya.

2.0 BUDAYA SEKOLAH

Budaya menurut Deal dan Peterson (1999) merupakan entity keseluruhan kompleks. Ia merangkumi aspek-aspek kehidupan serta kebiasaan yang diwarisi ataupun diperoleh dan dipraktikkan oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Manakala budaya sekolah didefinisikan sebagai keadaan yang merangkumi norma-norma, nilai-nilai, kepercayaan-kepercayaan, dan tradisi-tradisi yang membentuk peraturan-peraturan yang tidak mengenai cara berfikir, merasa dan bertindak dalam organisasi (Terry Deal, 2012). Menurut Deal dan Peterson (1998), mereka mengutarakan budaya sekolah sebagai set norma dan nilai, ritual dan tradisi dan cerita yang terbentuk menerusi jangka panjang yang membolehkan warganya bekerja dan belajar bersama.

3.0 PEMBUDAYAAN ICT DI SEKOLAH

ICT adalah singkatan daripada Information and Communication Technology (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) yang bermaksud teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data yang berkaitan dengan segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat. Secara tepat dan mudah, penggunaan komputer dan perisian untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat, dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu.

Seluruh warga sekolah termasuk komuniti setempat percaya bahawa ICT adalah elemen utama untuk meningkatkan persekitaran pembelajaran. Oleh itu sekolah haruslah berusaha untuk menyediakan kemudahan ICT yang terbaik untuk guru-guru dan murid-murid supaya mereka dapat mengakses maklumat dengan mudah bila-bila masa dan di mana-mana saja.